

MENCARI KEMULIAAN SURAH FAATIR : 10

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ
يَرْفَعُهُ ۚ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يُبْورُ ﴿١٠﴾

Maksudnya :

" Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada Allahlah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula diangkatnya naik (sebagai amal yang makbul - yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya). Dan sebaliknya : orang-orang yang merancang kejahatan (untuk mendapat kemuliaan), adalah bagi mereka azab seksa yang berat; dan rancangan jahat mereka (kalau berkesan) akan rosak binasa."

HURAIAN

Kemuliaan di sisi Allah S.W.T adalah hak Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-NYA. Di dalam Islam, kemuliaan seseorang itu adalah bergantung kepada tahap kepatuhannya kepada perintah dan suruhan Allah S.W.T. Kemuliaan di sisi Allah S.W.T hanya dapat dicapai dengan amalan-amalan baik yang diterima Allah. Kemuliaan tidak mungkin dicapai dengan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan atau larangan agama. Melakukan tindakan sedemikian akan mengakibatkan ditimpa penghinaan dan azab yang pedih dari Allah S.W.T. Oleh itu, umat Islam perlu mencari kemuliaan di sisi Allah dengan memperbanyakkan ketaatan dan ketundukan kepada segala suruhan dan menjauhi larangan Allah dan Rasul-NYA.

KESIMPULAN

Dalam Islam, tahap mentaati suruhan dan menjauhi larangan Allah dan Rasul-NYA adalah neraca kemuliaan atau kehinaan seseorang itu di sisi Allah. Semakin banyak ketaatan yang dilakukan, maka semakin tinggilah tahap kemuliaannya di sisi Allah. Kita perlu ingat bahawa kemuliaan tidak mungkin dicapai dengan kemaksiatan kita kepada Allah S.W.T.

Sumber : Koleksi Artikel Tafsir JAKIM

© 2007 Masjid Negara Online.